



UPM-Solution Engineering Hasil Minyak Sayuran Berasas Bio



Dr. Robiah Yunus sedang menjalankan penyelidikan bersama penyelidik lain di makmalnya.

SERDANG, 2 Mac – Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalin kerjasama dengan Solution Engineering Holdings Bhd. (SEH) dalam merekabentuk dan mengeluarkan 'pilot plant' bernilai RM4 juta (USD1.1 juta) yang berkebolehan menghasilkan minyak sayuran berasaskan bio di Puchong, Malaysia.

Pengarah Urusan SEH, Barry Lim berkata kerja-kerja pembinaan dijadualkan bermula pada suku pertama tahun ini di kuarters induk syarikat yang dijangka beroperasi dan berada di pasaran pada 2010.

"Apabila siap 'pilot plant' tersebut mampu menghasilkan keluaran sehingga 700 metrik tan setiap tahun," katanya.

Beliau menasarkn pasaran produk syarikatnya tertumpu di negara-negara Eropah, Korea, Jepun dan Amerika Syarikat kerana permintaan tinggi negara tersebut terhadap minyak berasaskan bio yang akan digunakan dalam proses pengadunan minyak polimer bio mesra alam.

"Bahan mentah yang digunakan dalam proses pengeluaran tersebut ialah biodiesel daripada minyak sawit mentah.

"Minyak sayuran dan bahan mentah tumbuhan lain seperti Jatropha juga boleh digunakan," katanya.

Barry berkata Jatropha merupakan tumbuhan tropika yang kian mendapat perhatian antarabangsa disebabkan potensinya sebagai bahan bakar biodiesel.

Katanya, penyelidik dari Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Alam Sekitar, Fakulti Kejuruteraan UPM, Prof. Madya Dr. Robiah Yunus mengetuai penyelidik lain dalam membangunkan teknologi proses 'pilot plant' tersebut.

"UPM telah menerima geran Technofund berjumlah RM4.55 juta (USD1.3 juta) daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi pada Oktober 2007 yang lalu untuk tujuan tersebut," katanya.

Beliau berkata projek bersama antara UPM dan SEH merupakan projek pertama dijalankan untuk tujuan penyelidikan dan pengkomersialan.

Tambah beliau, 30 peratus daripada jumlah peruntukan akan digunakan untuk pembelian kelengkapan analisis dan ujian, bayaran penyelidikan dan reka bentuk, siji pemasaran dan produk serta bahan mentah.

Solution Engineering mempunyai kepakaran dalam reka bentuk dan pembangunan kelengkapan pengajaran pendidikan kejuruteraan seperti kejuruteraan kimia, mekanikal, elektrik dan kawalan.



Dr. Robiah Yunus sedang melihat peralatan yang digunakan di dalam makmal.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.